

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI PEMBUKAAN PERSIDANGAN GERAKAN  
RAKYAT SETIA PADA 23 JULAI 1967**

**Tuan Pengerusi,  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

**W**alaupun saya telah bersahabat dan bekerjasama sekali dengan Tun Tan Siew Sin sudah beberapa lama, tetapi sebenarnya, saya tidak mengetahui pendapat, fikiran dan pandangannya terhadap diri saya.

Saya berasa sedap hati sedikit sekarang kerana Tun Tan Siew pada hari ini membayangkan pandangannya terhadap diri saya. Ia mesti memikir yang saya ini 'seorang rakyat yang setia'. Kalau tidak, masakan dia menjemput saya merasmikan Persidangan yang hendak menganjurkan 'Gerakan Rakyat Yang Setia' pada hari ini. Kalau pendapatnya berlainan, Tun Tan Siew Sin, sudah tentu akan menjemput seorang lain untuk merasmikan Persidangan ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan yang sempurna terhadap diri saya daripada sahabat saya yang baik itu.

Saya amat sukacita kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan berasa bangga kerana diberi penghormatan untuk merasmikan Persidangan ini.

Seperti kita semua telah maklum, tidak lama lagi, iaitu pada 31 Ogos, 1967, negara kita akan genap umurnya Sepuluh Tahun Merdeka. Semenjak 10 tahun yang lepas, negara kita telah mencapai kemajuan-kemajuan yang besar, kemakmuran dan juga kemajuan dalam usaha kita hendak membentuk satu rupa bangsa Malaysia yang tulin dan mengukuhkan negara kita. Kita memandang kebelakang dengan megahnya dan memandang ke hadapan dengan penuh harapan pula kepada kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar dan cemerlang lagi dari masa-masa yang lepas. Tetapi, baiklah kita bersama-sama mengkaji apakah yang penting diperkuatkan untuk menjaminkan yang harapan kita itu dapat dicapai.

Setelah kita dapat kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957, satu dasar kerajaan Perikatan yang penting sekali ialah keazaman kita hendak membangun, memajukan negara kita untuk mengadakan satu asas ekonomi atau '*economic infrastructure*' yang teguh dan kuat untuk membolehkan kita menjadikan Malaya (waktu itu) makmur, mempunyai sekolah-sekolah yang baik dan satu sistem pelajaran yang baik dan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baik dan cekap. Adalah cita-cita kita untuk mengadakan jalanraya-jalanraya yang bagus; membuka banyak rancangan-rancangan tanah dan beribu-ribu projek yang lain untuk kemudahan-kemudahan rakyat dan memberi negara kita kemakmuran. Cita-cita kita ini semuanya telah dicapainya dalam masa sepuluh-tahun itu.

Kerajaan Perikatan dan kita semua berasa bangga dengan kejayaan kita yang

cemerlang itu yang telah dicapai semenjak kemerdekaan kita itu. Tetapi tugas dan kewajipan kita yang mustahak sekarang ialah untuk menguat dan memperkukuhkan lagi asas-asas yang telah membolehkan kita mencapai kejayaan-kejayaan itu dan mempertahankan asas-asas itu daripada dirosak dan dibinasakan oleh anasir-anasir yang mahu merosaknya. Kita mesti bukan sekadar melindungi asas-asas ini, tetapi menegakkannya lagi supaya negara kita dapat kejayaan yang lebih besar lagi dalam dekad atau dalam masa sepuluh tahun yang akan datang. Asas-asas atau tapak pembangunan dan kemajuan yang tertera ini adalah hasil usaha dan kebolehan kita sendiri dan sebab-sebab itulah kita mesti mempertahankan dan memperkuat tapak-tapak ini. Kerana kekuatan asas ekonomi dan sebab negara kita mempunyai keteguhan politik atau '*political stability*', maka Malaysia sekarang terkenal di seluruh dunia, apa lagi, di dunia bebas, sebagai sebuah negara yang progresif, maju dan teguh dan sebab inilah Malaysia sekarang dapat menarik banyak perniagaan, perdagangan dan perusahaan dan penanam-penanam modal dari luar.

Saya suka hendak bercakap terus terang kepada tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Kejayaan kita, asas-asas yang kuat ini, jika tidak dijaga betul-betul, boleh dirosak dan dibinasakan sekejap masa saja oleh anasir-anasir jahat melalui tindakan-tindakan haram, tindakan-tindakan di luar undang-undang, perbuatan-perbuatan yang tidak demokratik dan tidak bertanggungjawab. Mereka ini hanya segolongan yang kecil saja, tetapi tindakan-tindakan dan perbuatan-perbuatan mereka ini, menggunakan cara dan tektik komunis, boleh memburuk nama baik kita di mata dunia dan menggagalkan harapan kita untuk maju dan makmur lagi, maka sebab itulah kita mesti berjaga-jaga dan menghalang dan memusnahkan perbuatan-perbuatan dan tindakan-tindakan orang-orang ini yang terang-terang menunjukkan mereka tidak taat setia kepada negara mereka sendiri. Jika perbuatan-perbuatan ini berpanjangan dan berlarut-larutan, mereka akan dapat menanamkan benih-benih subversif dan menimbulkan satu suasana yang buruk yang akan mengancam kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia dan keselamatannya. Kita telah bekerja dan membuat banyak pengorbanan untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan kita dalam masa sepuluh tahun dari ancaman, baik dari dalam negeri mahupun dari luar negeri dan kita tidak akan membenarkannya dirosak dan dibinasakan oleh anasir-anasir jahat ini walau apa jadi pun.

Betul kemerdekaan bermakna kebebasan dan Malaysia penuh dengan kebebasan-kebebasan ini terlampau banyak dan kebebasan ini dijamin oleh perlembagaan negara. Tetapi, golongan-golongan kecil yang mengacau dan mengancam ini tidak mengerti makna kebebasan dan jika mereka faham mereka telah menyalahgunakan kebebasan ini. Kebebasan bermakna kemerdekaan kita. Membuat sebarang yang dibenarkan oleh undang-undang. Dan jika seseorang rakyat melakukan apa yang ditegah oleh undang-undang, itu bukan kebebasan, kerana jika itu berlaku maka semua orang akan turut dan berkuasa berbuat demikian, dan kalau ini terjadi maka sesebuah negara atau masyarakat itu akan kucar kacir. Kemerdekaan bertindak bukan bermakna kebebasan berbuat sebarangan saja, maknanya ialah, peluang yang diberi untuk membuat sesuatu yang baik bagi faedah negara dan rakyatnya.

Adanya gerakan untuk membentuk rakyat yang setia ini, tidak bermakna kita sangsi atau curiga tentang taat setia orang Cina, orang-orang Melayu atau orang-orang India kepada Malaysia. Taat setia kebanyakan rakyat Malaysia semua bangsa telah ditunjukkan dengan jelas sepanjang masa darurat dahulu, semasa konfrantasi Indonesia dan perbuatan-perbuatan dalam kehidupan kita sehari-hari, baik melalui cakap atau tindakan kita. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, selain daripada menjadi Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya juga sekarang ini menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertanggungjawab di atas keselamatan negeri ini dan dengannya keselamatan dan kedaulatan negara dan pembangunan dan kemajuan Malaysia!

Menjaga keselamatan dalam negeri tidak semuanya bermakna kita mesti membanyakkan anggota-anggota Polis, senjata-senjata, dan membesarkan '*Special Branch*'. Sesungguhnya dan sebenarnya, senjata yang paling tajam dan berkesan sekali untuk melawan '*subversion*', penyeludupan-penyeludupan dan penaklukan komunis, ialah '*public opinion*' atau 'fikiran dan sokongan orang ramai'. Senjata ini amat besar jika digunakan oleh rakyat yang bertanggungjawab dan taat dan faham apa yang benar dan baik kepada kita semua. Orang-orang yang taat setia mestilah berdiri teguh dan menyatakan dan menunjukkan sokongan mereka kepada Kerajaan yang mereka tidak dapat dipengaruhi oleh segolongan manusia yang kecil bilangannya dan tidak bertanggungjawab pula bahawa kita tidak akan membiar mereka merosakkan kemerdekaan dengan perbuatan-perbuatan liar mereka itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian: Dalam masa kita melancarkan Gerakan Rakyat Setia ini, marilah, kita semua sendiri terlebih dahulu faham dengan sejelas-jelasnya apakah sebenarnya 'rakyat setia' itu dan apakah yang dia mesti buat hari-hari dalam kehidupannya. Apakah tujuan atau '*motive*' kehidupan seseorang itu di Malaysia ini?

Semasa umur kita hidup, selain daripada hanya cari makan untuk hidup, mencari rezeki untuk menyarakan anak-anak dan setengah-setengah orang cucu, dan bekerja untuk menjayakan pekerjaan dalam bahagian masing-masing, saya sungguh-sungguh berharap, rakyat Malaysia, mempunyai tujuan lain juga semasa mereka hidup. Saya harap mereka mempunyai dasar hidup yang lebih tinggi, semangat dan ketekunan atau '*dedication*' kepada asas dan tujuan negara kita, '*dedication*' kita kepada cara hidup yang demokratik dan berusaha dan tekun memaju dan membangun negara kita. Kita juga mesti berani dan mempunyai keazaman untuk mempertahankan kepercayaan kita, apa yang kita anggap baik dan menguntungkan negara kita dengan tidak segan atau takut, kita rakyat Malaysia semua mesti yakin dan amanah dengan diri sendiri dan dengan orang lain. Hanya dengan sifat-sifat ini saja rakyat Malaysia akan dapat membina negara kita Malaysia, satu tempat yang masa hadapannya cemerlang dan selamanya makmur.

Kerana amanah tidak ada atau kurang di setengah-setengah negara itu maka sudah banyak negara-negara yang telah jahanam atau sedang jahanam dan jatuh akibat perbuatan-perbuatan kurang amanah pemimpinnya. Tetapi bercakap berkenaan dengan kurang amanah, saya tidak menghadkan kepada rasuah-rasuah

dalam pentadbiran Kerajaan. Sebenarnya orang-orang ramailah yang bertanggungjawab adanya perbuatan-perbuatan curang dan rasuah, kerana orang-orang ramailah yang menggodakan pegawai-pegawai Kerajaan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik itu. Sehingga kita dapat melahirkan satu masyarakat yang sungguh-sungguh bersih dan betul-betul amanah, selain itulah pula, akan adanya, bahaya dan ancaman yang negara kita ini akan menjadi '*corrupt*' pada umumnya.

Untuk mengelakkan berlakunya, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap rakyat yang setia dan baik untuk mengamalkan perbuatan-perbuatan yang lurus atau '*honesty*' dalam kehidupannya hari-hari dan untuk mencapaikan setinggi-tinggi darjah keamanahan pada diri masing-masing. Hanya dengan ini sahaja kita akan menjadikan Malaysia bebas daripada rasuah dan perbuatan-perbuatan curang.

Satu lagi sifat yang maha penting bagi kita di Malaysia, oleh kerana kita adalah terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, agama dan kebudayaan, yang mesti dipunyai oleh rakyatnya ialah perasaan muhibbah, toleran dan saling hormat menghormati dan menjaga keharmonian di antara rakyat yang berbilang keturunan itu. Ini adalah mustahak kerana dengan tiada perpaduan antara bangsa, kita tidak akan mencapai kemajuan dan tanpa kemajuan kita tidak akan mencapai dan menikmati kemakmuran. Berdasar kepada ini, marilah kita bersama-sama berazam menjadi orang-orang yang toleran, juara keharmonian dan perpaduan antara bangsa di negara kita ini.

Pada pandangan saya, syarat-syarat yang saya sebutkan di atas tadi yakni ketekunan atau '*dedication*', berani dan kuat berazam, amanah dan toleran - adalah sifat-sifat yang penting yang mesti dipunyai oleh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, jika kita benar-benar hendak melahirkan rakyat yang taat setia dan baik. Saya dengan ikhlasnya berharap Jawatankuasa Gerakan Rakyat Setia Peringkat Kebangsaan yang akan menganjurkan Gerakan ini, akan membincangkan dengan telitinya cara-cara yang baik supaya sifat-sifat yang baik itu dapat disemaikan ke dalam jiwa semua rakyat Malaysia. Saya juga berharap yang Jawatankuasa ini akan memberi perhatian yang wajar kepada Dasar Perikatan, yang saya tidak bosan-bosan mengulanginya dalam percakapan saya, yang kita hendaklah sentiasa bercakap apa yang menyatukan atau persamaan-persamaan yang ada pada kaum-kaum di negeri ini, bukannya bercakap dan membesar-besarkan perkara-perkara yang memecah belahkan kita. Kalau ini ditumpukan, nescaya kita akan dapat bekerja dengan lebih berkesan dalam usaha kita hendak melahirkan sebenar-benarnya satu rupa bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu padu. Saya suka melihat '*contact-contact*' atau perhubungan dan persahabatan antara kaum-kaum digalakkan, kerana hanya dengan cara ini saja kita dapat memperkuatkan lagi perpaduan dan persefahaman yang sudah ada pada hari ini dan lama kelamaan sudah tentu kita semua akan menjadi orang Malaysia yang sangat berguna.

Tun Tan Siew Sin dalam ucapannya telah menyebut berkenaan dengan lagu Kebangsaan dan Bendera Kita. Dalam sejarah, beratus-beratus tahun dahulu, 'Bendera atau Panji-panji' itu adalah lambang perpaduan askar-askar di masa peperangan dan pertempuran dengan musuh-musuh dan lambang yang memberi keberanian kepada jiwa kita untuk berperang dengan gagah dan berani. Bendera

Kebangsaan kita adalah lambang perpaduan kita, bukan tujuan untuk berperang, tetapi lambang kita berjuang untuk mencapaikan perpaduan, keharmonian antara rakyat kita dan menjayakan perjuangan kita untuk mencapai kemakmuran dan kemajuan. Lagu Kebangsaan kita seperti Bendera Kebangsaan Malaysia juga, adalah lambang negara, cuma satu adalah benda dapat dilihat dan satu lagi ialah senikata. Kita hanya menyanyi atau mendengarnya. Kedua-duanya adalah simbol perpaduan negara Malaysia dan mestilah dihormati oleh rakyat dan mereka yang tinggal di Malaysia.

Sahabat saya, Tun Tan Siew Sin, menyatakan suatu perkara yang betul dan benar apabila beliau berkata bahawa ada orang-orang Malaysia yang nampaknya kurang sedar dan insaf betapa bernasib baik mereka tinggal dan bermastautin di Malaysia ini. Saya sungguh-sungguh berkehendak jika boleh supaya semua rakyat Malaysia ini berpeluang melawat negeri-negeri asing supaya mereka insaf betapa bernasib baik mereka menjadi orang dan rakyat Malaysia. Tetapi sayang kerana mustahil, semua orang dapat melawat negeri-negeri luar. Sungguhnya begitu, saya fikir, sudahlah cukup dengan membaca surat-surat khabar dan mendengar berita-berita radio tentang kejadian-kejadian di setengah-setengah negeri asing untuk menjadi golongan-golongan ini sedar dan insaf yang mereka betul-betul beruntung dan bernasib baik yang mereka adalah rakyat Malaysia dan hidup di negaranya sendiri, satu kedudukan yang sangat dicemburui oleh orang-orang lain.

Saya berharap golongan-golongan ini sedar yang semua kemudahan dan keistimewaan yang kita terima dan nikmati ini harus dibayar pula dengan tanggungjawab kita kepada negara dan semudah menunjukkan yang kita sedar dan bersyukur dengan kedudukan kita ialah dengan menghormati lambang negara, seperti Bendera Kebangsaan dan Lagu Kebangsaan.

Marilah kita bersama-sama berharap yang Gerakan Rakyat Setia ini akan membuat rakyat Malaysia berfikir dan mengubah sikap supaya tiap-tiap kali bendera dinaikkan dan Lagu Kebangsaan dimainkan, yang mereka itu bukan sahaja akan berdiri tegap menghormati lambang-lambang negara ini, tetapi juga mengucap atau berniat 'Ini Negara Aku!', 'Negara Mendahului Diri Aku!', 'Aku adalah Malaysia Kerana Malaysia itu adalah Negara Aku!'.

Terima kasih.